

KAWASAN BEBAS CUKAI :  
PENILAIAN MENYELURUH DI KAWASAN BEBAS CUKAI  
PENGKALAN KUBOR, KELANTAN DARUL NAIM



Oleh

- |                                    |            |
|------------------------------------|------------|
| 1. AMRAN BIN DAUD                  | (91546309) |
| 2. BAHARUDDIN BIN ISHAK            | (91941207) |
| 3. CHE MUHAMMAD NOR BIN CHE YUSOFF | (91904907) |
| 4. RAZALI BIN KHAMIS               | (91904388) |

Kertas Projek Yang Dikemuka Kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

November 1995

## SEKAPUR SIREH



Segala puji bagi Allah S.W.T. di atas Taufik dan HidayatNya dapatlah kami menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya.

Kami telah sependapat memilih tajuk untuk projek ini iaitu :

### KAWASAN BEBAS CUKAI : PENILAIAN MENYELURUH DI KAWASAN BEBAS CUKAI PENGKALAN KUBOR, KELANTAN DARUL NAIM

Kertas projek ini dibuat adalah bertujuan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan diploma di dalam bidang Pentadbiran Awam.

Kami telah diberi tempoh selama dua semester untuk menyiapkan kertas projek ini.

Untuk memenuhi tujuan ini, kami telah membahagikan tugas di antara anggota kami untuk menyiapkan di dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Dalam menyiapkan kertas projek ini, kami telah dapat menambah lagi ilmu pengetahuan, di samping dapat melatih diri kami untuk menggunakan sebaik mungkin bagi kerjaya kami di kemudian hari.

Segala kekurangan di dalam kertas projek ini adalah kelemahan kami dan segala kelebihan datangnye dari Allah S.W.T jua.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Amat Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam Yang Maha Mengetahui Lagi Bijaksana.

Sepanjang tempoh penyiapan kertas projek ini, kami telah menghadapi berbagai masalah dan cabaran tetapi syukur Allahmdulillah dapat juga kami menyiapkannya dengan bantuan yang diberikan oleh mereka yang terlibat secara langsung di dalam menyediakan kertas projek ini. Kami dengan sukacitanya merakamkan se tinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohd Nor bin Shapiin, Ketua Kursus Diploma Pentadbiran Awam, Institut Teknologi MARA Cawangan Kelantan yang selaku Ketua Penyelaras Kertas Projek yang telah memberi sepenuh tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat dalam menyedia dan menyiapkan kertas projek ini.

Ucapan terima kasih juga kami rakamkan kepada penama-penama berikut yang telah menyumbangkan tenaga, nasihat dan kerjasama untuk menjayakan kertas projek ini :

1.     Haji Nik Muhammad Naziman bin Ab Rahman  
       Penyelaras KLK/PJJ  
       ITM Cawangan Kelantan,  
       Kota Bharu.
  
2.     Encik Azmi bin Abd Ghani  
       Penguasa Kastam,  
       Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja  
       Pengkalan Kubor, Kelantan.
  
3.     Encik Aziz bin Omar  
       Penguasa Kastam,  
       Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja  
       Pengkalan Kubor, Kelantan.

4. Encik Norazmi bin Ibrahim  
Setiausaha,  
Majlis Daerah Tumpat,  
Tumpat, Kelantan.
  
5. Encik Harun bin Bakar  
Pembantu Tadbir,  
Majlis Daerah Tumpat,  
Tumpat, Kelantan.
  
6. Yang Berhormat Encik Mat Nawawi bin Mat Jusoh  
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Pengkalan Kubor,  
Tumpat, Kelantan.
  
7. Encik Ayob bin Haji Omar  
Pengurus,  
Syarikat KLMN Labor Sdn. Bhd.,  
Pengkalan Kubor,  
Kelantan.


Juga buat peniaga-peniaga di Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, kedua ibu bapa, isteri, anak-anak dan teman setia di atas pengorbanan, semangat dan dorongan yang dicurahkan kepada kami akan dikenang sepanjang hayat.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua rakan seperjuangan, Yahya, Zul, Amin, Yati, Azihan, Rahim, Nasha dan Saira yang sama-sama bertungkus lumus dengan memberi nasihat tanpa mengira waktu, tempat dan kepentingan diri dalam menyedia dan menyiapkan kertas projek.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada lima ratus responden yang telah memberi kerjasama dan terlibat dalam kaji selidik yang dijalankan di Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor tempoh. Allah S.W.T jua yang akan membalas budi baik tersebut.

## BAB I

### PENGENALAN



#### 1. 1. KAWASAN BEBAS CUKAI DI MALAYSIA

Kawasan Bebas Cukai di Malaysia secara rasmi telah wujud dengan pembukaan Kawasan Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 15 Januari 1988 dan diikuti dengan Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor, Kelantan pada 15 Oktober 1989.

Kawasan Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam terletak di antara Kompleks Imigresen/Kastam dan pagar sempadan Malaysia-Thailand. Kawasan ini dikendalikan oleh Syarikat Cergas Jaya Sendirian Berhad dan luas kawasannya ialah 5.03 ekar. Ia mempunyai satu pintu masuk dan satu pintu keluar. Terdapat tiga jenis gerai dalam kawasan ini. Gerai jenis pertama menjual barangan import terutama barang-barang elektrik yang diselenggarakan sendiri oleh Syarikat Cergas Jaya Sendirian Berhad. Jenis kedua merupakan 30 buah gerai kecil menjual barang-barang seperti pakaian, kasut, barang-barang mainan untuk kanak-kanak dan lain-lain barangan buatan Thailand. Gerai jenis ketiga terdiri daripada 18 buah gerai yang menjual buah-buahan dari Thailand.

Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor pula terletak bertentangan dengan Kompleks Imigresen dan dikelilingi oleh dua lapis pagar chain-link hijau. Kawasan Bebas Cukai ini dikendalikan oleh Majlis Daerah Tumpat dan luas kawasannya meliputi 6.25 ekar. Ia mempunyai enam pintu keluar masuk. Terdapat beberapa jenis bangunan dalam kawasan ini. Bangunan pasar menjual barang-barang seperti buah-buahan, makanan dan